



جباتن مفتي نكري فھع

---

**KAIFIAT SOLAT SUNAT  
&  
TEKS KHUTBAH GERHANA BULAN PENUH**

Waktu Gerhana Bulan Penuh

14 Jamadil Awwal 1439H/ 31 Januari 2018 ( Rabu)

Bermula : 8.51 Malam

Kemuncak : 9.29 Malam

Tamat : 10.07 Malam

**DISEDIAKAN OLEH :  
BAHAGIAN FALAK  
JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG**

## “ KAIFIAT SOLAT SUNAT GERHANA”

### Lafaz Niat Solat Sunat Gerhana Bulan

أصلى سنة خسوف القمر ركعتين مأموماً لله تعالى

Ertinya : “ Sahaja aku solat sunat gerhana Bulan dua rakaat sebagai ma’lum kerana Allah Taala”.

### Lafaz Niat Solat Sunat Gerhana Matahari

أصلى سنة كسوف الشمس ركعتين مأموماً لله تعالى

Ertinya : “Sahaja aku solat sunat gerhana Matahari dua rakaat sebagai ma’lum kerana Allah Taala”.

### Kaifiat :

Solat Sunat Gerhana boleh dilakukan samaada secara berseorangan atau berjemaah dan sebaiknya dilakukan secara berjemaah. Kaifiat yang lebih sempurna adalah seperti berikut :

### Rakaat Pertama:

- (1) Takbiratul Ihram.
- (2) Membaca doa iftitah.
- (3) Membaca Isti’azah.
- (4) Membaca surah al-Fatihah.
- (5) Membaca surah al-Baqarah atau sekadar yang termampu atau mana-mana surah yang sederhana panjang.
- (6) Ruku’(pertama).
- (7) Iktidal dan qiyam kedua, membaca surah al-Fatihah dan surah pilihan.
- (8) Ruku’ (kedua).
- (9) Iktidal.

- (10) Sujud (pertama).
- (11) Duduk antara 2 sujud.
- (12) Sujud (kedua).
- (13) Berdiri ke rakaat kedua.

### **Rakaat Kedua**

- (1) Qiyam ketiga dan membaca surah al-Fatihah.
- (2) Membaca Surah An-Nisa' atau sekadar yang termampu atau mana-mana surah yang sederhana panjang
- (3) Ruku' (ketiga).
- (4) Iktidal dan qiyam keempat, membaca surah al-Fatihah dan membaca surah. Dicadangkan membaca surah pilihan.
- (5) Ruku'(keempat).
- (6) Iktidal.
- (7) Sujud (ketiga).
- (8) Duduk antara 2 sujud.
- (9) Sujud (keempat).
- (10) Membaca tasyahhud akhir.
- (11) Memberi salam dan imam bangun menyampaikan dua khutbah.

Sekiranya tidak mampu membaca surah-surah yang panjang adalah dicadangkan surah-surah berikut :

**Rakaat Pertama** : Surah al-A'la & Surah al-Ghashiyah

**Rakaat Kedua** : Surah al-Dhuha & Surah al-Insyirah

Selepas solat, sunat dibacakan khutbah. Khutbah gerhana ini dilakukan dua kali dengan mengikut rukun-rukunnya seperti yang terdapat dalam khutbah Jumaat. Khutbah gerhana tidak dikehendaki bertakbir seperti khutbah hari raya, walau bagaimana pun dua khutbah bukanlah menjadi syarat bagi sah Solat Gerhana .